



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2015

PANDUAN PENYEDIAAN PAPAN TANDA DAN PLET SEMPADAN HUTAN SIMPANAN KEKAL DI SEMENANJUNG MALAYSIA

1.0 LATAR BELAKANG

Penyediaan dan pemasangan papan tanda dan plet sempadan Hutan Simpanan Kekal (HSK) merupakan salah satu strategi pengurusan hutan dalam memaklum dan memberi peringatan kepada orang awam tentang kedudukan dan sempadan kawasan HSK. Pada masa kini, setiap Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) mempunyai spesifikasi papan tanda dan plet sempadan HSK yang tidak seragam. Perkara ini boleh menimbulkan kekeliruan kepada orang awam berkenaan papan tanda dan plet sempadan HSK yang digunakan di Semenanjung Malaysia.

2.0 SKOP

Panduan ini menggariskan spesifikasi papan tanda dan plet sempadan HSK yang merangkumi reka bentuk, penentuan lokasi, serta penyelenggaraan papan tanda dan plet sempadan HSK. Bagi tujuan panduan ini, spesifikasi yang ditetapkan dibahagi kepada dua perkara iaitu:

- i. Papan tanda; dan
- ii. Plet sempadan

3.0 OBJEKTIF

Objektif panduan ini adalah untuk menyeragamkan penyediaan dan penggunaan papan tanda dan plet sempadan HSK oleh JPN di Semenanjung Malaysia.

4.0 REKA BENTUK PAPAN TANDA DAN PLET SEMPADAN HSK

4.1 Spesifikasi Papan Tanda .

4.1.1 Papan Tanda HSK hendaklah diperbuat daripada kepingan logam aluminium dan ditulis dengan huruf timbul berwarna hitam dan merah serta berlatarbelakang warna kuning seperti contoh di **Lampiran 1**. Spesifikasi terperinci adalah seperti berikut:

- (i) Bahan : *Aluminium composit – AC Bond 3mm*
- (ii) Warna : Kuning (*INCA YELLOW*) atau setara dengannya.
- (iii) Saiz : 1.0 m (tinggi) x 1.3 m (lebar)
- (iv) *Border* : Hitam – 5 mm
- (v) Jata/Logo : Jata Negeri diletakkan pada penjuru atas sebelah kiri manakala logo Jabatan diletakkan pada penjuru atas sebelah kanan mengikut warna sebenar dengan saiz ketinggian jata/logo 17.0 cm.
- (vi) Tulisan :
 - Semua tulisan ditulis dengan menggunakan huruf besar.
 - HUTAN SIMPANAN KEKAL ditulis dengan huruf timbul menggunakan tulisan '*Arial Narrow – bold*' berwarna hitam dan bersaiz 3.5cm tinggi atau saiz huruf '32'.

- DILARANG MASUK ditulis dengan huruf timbul menggunakan tulisan '*Arial Black-bold*' berwarna merah dan bersaiz 7.0cm tinggi atau saiz huruf '48'.
- ARAHAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI: menggunakan tulisan '*Arial Narrow-bold*' berwarna hitam dan bersaiz 1.5cm tinggi atau saiz huruf '20'.

(vii) Tiang:

- Bahan: Besi .
- Saiz: 2.5 inci *round hollow section* (ketebalan 3 mm).
- Tinggi: 2.5 m dari aras tanah.

4.2 Spesifikasi Plet Sempadan HSK .

4.2.1 Plet Sempadan HSK hendaklah diperbuat daripada kepingan logam aluminium dan ditulis dengan huruf timbul berwarna hitam dan merah serta berlatarbelakang warna kuning seperti contoh di **Lampiran 2**. Spesifikasi terperinci adalah seperti berikut:

- Bahan : *Aluminium composit – AC Bond 3mm.*
- Warna : Kuning (*INCA YELLOW*) atau setara dengannya.
- Saiz : 60 cm (tinggi) x 75cm (lebar).
- Border* : Hitam – 5 mm.
- Jata/Logo : Jata Negeri diletakkan pada penjuru atas sebelah kiri manakala logo Jabatan diletakkan pada penjuru atas sebelah kanan mengikut warna sebenar dengan saiz ketinggian jata/logo 4.0 cm.
- Tulisan:
 - Semua tulisan ditulis dengan menggunakan huruf besar.

- HUTAN SIMPANAN KEKAL ditulis dengan huruf timbul menggunakan tulisan ‘*Arial Narrow – bold*’ berwarna hitam dan bersaiz 3.0 cm tinggi atau saiz huruf ‘28’.
- DILARANG MASUK ditulis dengan huruf timbul menggunakan tulisan ‘*Arial Black-bold*’ berwarna merah dan bersaiz 5.0 cm tinggi atau saiz huruf ‘44’.
- ARAHAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI: menggunakan tulisan ‘*Arial Narrow–bold*’ berwarna hitam dan bersaiz 2.0 cm tinggi atau saiz tulisan ‘16’.

5.0 LOKASI PAPAN TANDA DAN PLET SEMPADAN HSK

5.1 Pegawai Hutan Daerah (PHD) bertanggungjawab untuk mengenal pasti lokasi bagi pemasangan papan tanda dan plet sempadan HSK dengan mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:

- 5.1.1 Papan tanda sempadan HSK hendaklah dipasang pada setiap permulaan jalan masuk di sempadan HSK pada ketinggian 1.5m dari paras tanah bagi membolehkan ia dilihat dengan jelas.
- 5.1.2 Setiap plet sempadan hendaklah dipasang pada jarak tidak melebihi 500m di sepanjang sempadan. Bagi kawasan yang bersempadan dengan tanah berimilik, kawasan penempatan, kawasan yang berisiko tinggi atau kawasan yang terdedah kepada pencerobohan, plet sempadan HSK hendaklah dipasang pada jarak tidak melebihi 100m atau pada setiap penjuru sempadan.

5.1.3 Plet sempadan hutan simpan perlu dipasang dan dipaku pada pokok di kedudukan yang lebih tinggi sekurang-kurangnya 2.0m dari paras tanah supaya tidak diganggu dan dirosakkan. Pokok yang dipilih perlulah pokok yang tidak bergetah, jelas dan mudah dilihat.

6.0 PENYELENGGARAAN PAPAN TANDA DAN PLET SEMPADAN HSK

- 6.1 PHD bertanggungjawab untuk memantau dan menyelenggara papan tanda dan plet sempadan HSK.
- 6.2 Papan tanda dan plet sempadan HSK hendaklah diselenggara selaras dengan aktiviti penyelenggaraan sempadan luar yang dijalankan dalam tempoh tidak melebihi lima (5) tahun.
- 6.3 Papan tanda dan plet sempadan HSK yang telah rosak atau hilang, hendaklah diganti mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

7.0 KESIMPULAN

Panduan ini diharap dapat membantu Jabatan menyediakan papan tanda dan plet sempadan HSK yang seragam di Semenanjung Malaysia.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT"

"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Saya yang menurut perintah.


(DATO' SRI. DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)


Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia

Bertarikh: 15 Januari 2015

Lampiran I

**CONTOH PAPAN TANDA
SEMPADAN HUTAN SIMPANAN KEKAL**



Lampiran 2

**CONTOH PLET
SEMPADAN HUTAN SIMPANAN KEKAL**

